



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGUASAAN TADHKĪR DAN TA'NĪTH DALAM KALANGAN PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI SELANGOR,  
MALAYSIA**

**SITI NOR BINTI JAFFAR**

**FBMK 2019 37**



**PENGUASAAN *TADHKĪR* DAN *TA'NĪTH*  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
AGAMA DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**SITI NOR BINTI JAFFAR**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk  
Ijazah Master Sastera**

**Ogos 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUASAAN *TADHKĪR* DAN *TA'NĪTH*  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
AGAMA DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**SITI NOR BINTI JAFFAR**

Ogos 2019

**Pengerusi : Prof. Madya Ab. Halim bin Mohamad, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

*Tadhkīr* dan *Ta'nīth* merupakan elemen asas dalam mendalami bidang sintaksis Arab. Penguasaan dalam aspek gender ini adalah penting bagi setiap penutur bahasa Arab bagi memahami peraturan dan sistem nahu secara keseluruhannya. Namun, realiti pada hari ini menunjukkan ramai pelajar bahasa Arab dilihat kurang menguasai nahu bahasa Arab dengan baik terutamanya dalam aspek ini. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk (1) mengenalpasti tahap penguasaan pelajar Menengah SMKA dalam penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth* (2) mengkaji bentuk kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar Menengah SMKA dalam *tadhkīr* dan *ta'nīth* (3) menganalisis faktor linguistik yang mempengaruhi kesalahan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab. Kajian kuantitatif ini menggunakan set ujian di mana soalan berbentuk aneka pilihan dan karangan diberikan kepada pelajar. Peserta kajian adalah terdiri daripada 30 orang pelajar di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor yang telah dipilih secara bertujuan dari 2 buah kelas Tingkatan enam yang mengambil subjek bahasa Arab sebagai mata pelajaran teras. Hasil kajian dianalisis secara deskriptif bagi mengukur kekerapan, peratusan dan min. Hasil analisis menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth* adalah pada tahap sederhana. Selain itu, data yang diperolehi turut menunjukkan bentuk kesalahan terbesar yang dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan penggunaan kata kerja yang mencatat jumlah tertinggi; iaitu kesalahan dalam kata kerja lepas atau kata kerja sedang berlaku (30%) dan kesalahan dalam penggunaan struktur ayat kerjaan (53.9%). Manakala, dapatan kajian analisis faktor yang mempengaruhi kesalahan linguistik pelajar menunjukkan bahawa pelajar terlibat dengan beberapa isu kesalahan bahasa; didahului oleh faktor Gangguan Bahasa Ibunda (*interlingual transfer*) yang melibatkan 18 kesalahan (60%), diikuti dengan faktor Generalisasi Melampau (*Over-generalization*) sebanyak 16 kesalahan (53.5%), faktor Pengabaian Terhadap Sekatan Peraturan Bahasa (*Ignorance of Rule Restrictions*) dengan kekerapan 12 kesalahan (40%) dan faktor Membuat Andaian yang Salah Terhadap Konsep Bahasa (*False Concepts Hypothesized*) dengan 4

kesalahan (13.3%). Antara punca utama kesalahan ini berlaku adalah pengaruh bahasa Ibunda ke dalam struktur ayat dalam bahasa Arab. Pelajar didapati cenderung untuk menterjemahkan ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab tanpa menitikberatkan unsur nahu yang perlu ada dalam membentuk struktur ayat yang betul dalam bahasa Arab.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Master of Arts

**PERFORMANCE OF *TADHKĪR* AND *TA'NĪTH*  
AMONG THE RELIGIOUS SECONDARY SCHOOL STUDENTS  
IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

**SITI NOR BINTI JAFFAR**

**August 2019**

**Chairman : Assoc. Prof. Ab. Halim bin Mohamad, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

*Tadhkīr and Ta'nīth* are the basic elements in the field of arabic syntax. Mastery in this aspect of gender is important for every arabic language speaker to understand the rules and the overall grammar system. However, today's reality shows that many arabic language learners, are seen as unable to master the grammar of arabic language especially in this aspect. Therefore, this study is aimed (1) to identify the level of mastery of the Religious Secondary School students in the use of *tadhkīr and ta'nīth*, (2) to investigate the form of mistakes frequently made by the Religious Secondary School students in *tadhkīr and ta'nīth* and (3) to analyze the linguistic factors influencing the mistakes of Malay learners who are learning arabic language. The quantitative approach is used in this study where a test in form of multiple-choice questions (MCQ) and essays were given to the students. The participants of the study were 30 students in one Religious Secondary School in the State of Selangor, from two Form 6 classes who were taking the arabic language as a core subject. The results of the study were analyzed descriptively to measure the frequency, percentage and mean. The analysis shows that the level of mastery of the students in the use of *tadhkīr and ta'nīth* is moderate. In addition, the data obtained also shows the biggest form of error committed by the students is the use of verb which records the highest number of mistakes; in the use of verbs in past or present (30%) and errors in the use of the structure of the verbatim (53.9%). On the other hand, the findings of the analysis on factors affecting linguistic mistakes showed that students were involved with language error issues; preceded by interlingual transfer factors involving 18 errors (60%), followed by over-generalisation factor with 16 errors (53.5%), the ignorance factor of the Restrictions of Language Rules with 12 errors (40%) and Factors Making False Concepts Hypothesized with 4 errors (13.3%). Among the major cause of these errors is the effect of the mother tongue into the arabic sentence structure. Students were found to have the tendency to translate malay verses into arabic without emphasizing the grammatical elements that must be presented in forming a standard correct arabic sentence structure.

## PENGHARGAAN

Segala puja dan puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam yang dengan nikmat dan keizinanNya, tesis ini dapat disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan. Terima kasih Tuhanku.

Salam penuh *ta'zim* dan rindu serta selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W ahli keluarga serta sahabat Baginda yang telah mewariskan iman dan ilmu kepada umat Islam sehingga tidak terkira nilainya. Terima kasih wahai Rasulullah, Rasul akhir zaman

Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah merangkap penyelia yang dihormati lagi dikasihi iaitu Prof. Madya Dr. Ab Halim Bin Mohamad dan Prof. Madya Dr Mohd Azidan Bin Abdul Jabar yang telah banyak membantu dan membimbing tanpa rasa jemu dan penuh sabar sehingga penulis dapat menyempurnakan tesis ini. Tunjuk ajar ilmu dan bimbingan yang dicurahkan amat berguna bagi menyiapkan tesis ini sekaligus memberikan pengalaman baru kepada penulis. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas segala kebaikan yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga turut diberikan buat para pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Prof. Madya Dr. Ab Halim Bin Mohamad, Prof. Madya Dr Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, Prof. Madya Dr. Abd Rauf Bin Tan Sri Dato' Hassan Azhari dan Dr Nik Farhan Binti Mustapha yang telah banyak mendidik hamba.

Khusus kepada tuan pengetua Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidiah yang sudi memberi keizinan untuk membuat kajian di sekolah beliau, tidak lupa kepada para pelajar yang sudi menyertai dan memberi kerjasama menjayakan penulisan ini. Teristimewa buat suami tercinta yang banyak mendidik dan tidak jemu-jemu memberi sokongan dan dorongan iaitu Ustaz Abd Rashid bin Zainal serta madu tersayang yang sangat banyak membantu dan memberi semangat iaitu Ustazah Sumaiyah Binti Sulaiman – semoga bersama melangkah ke syurga. Buat anak-anak tersayang – Rashidah, Muhammad Mustafa, Abdul Karimi, Ahmad Soleh, Nur Muhammad, Muhammad Zunnurain, Ahmad Anas, Abdullah Suhaimi, Abdullah Yusuf dan Aminah Yusra, tidak lupa kepada ibu mertua, semua anggota keluarga, sahabat, teman seperjuangan dan kenalan yang banyak membantu, memberi sokongan dan mendoakan.

Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada orang lain untuk memperkembangkan budaya ilmu dan pengamalan dalam anggota masyarakat. Salam penuh rasa kehambaan dan semoga kita semua dalam keredhaan dan keberkatanNya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Ab. Halim bin Mohamad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd. Azidan bin Abdul Jabar, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 Oktober 2019



## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Siti Nor binti Jaffar (GS46813)

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Ab. Halim bin Mohamad.

Tandatangan \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Mohd. Azidan bin Abdul Jabar.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI CARTA</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>TRANSLITERASI ARAB KE RUMI</b>	xvii

### **BAB**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pernyataan Masalah	5
1.2	Persoalan Kajian	9
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Kepentingan Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Batasan Kajian	11
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	12
2.1	<i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	12
2.1.1	Definisi <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	13
2.1.2	Tanda-tanda <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	14
2.1.3	Pembahagian <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	15
2.2	Kajian Berkaitan <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	16
2.3	Analisis Kesalahan Bahasa Menurut Pandangan Ahli Linguistik	20
2.3.1	Analisis Kesalahan Bahasa dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran	23
2.3.1.1	Aspek Morfologi	24
2.3.1.2	Aspek Mekanis dan Ejaan	25
2.3.1.3	Aspek Sintaksis	27
2.4	Kesalahan Bahasa dari Aspek Sintaksis	27
2.4.1	Aspek Kesalahan Bahasa	28
2.4.1.1	Kesalahan Kata	29
2.4.1.2	Kesalahan Frasa	30
2.4.1.3	Kesalahan Ayat	31
2.5	Faktor Kesalahan Bahasa Menurut Ahli Linguistik	33
2.5.1	Gangguan Bahasa Ibunda (Interlingual transfer)	35
2.5.2	Generalisasi Melampau (Over-generalization)	36
2.5.3	Pengabaian Terhadap Sekatan Peraturan Bahasa	

	(Ignorance of Rule Restrictions)	37
2.5.4	Pengaplikasian Peraturan Bahasa yang tidak Lengkap (Incomplete Application of Rules)	38
2.5.5	Membuat Andaian-Andaian yang Salah Terhadap Konsep Bahasa (False Concepts Hypothesized)	38
	2.5.5.1 Pemindahan Bahasa ( <i>language transfer</i> )	39
	2.5.5.2 Gangguan Pemindahan dari dalam Sesuatu Bahasa (Intralingual Interference)	40
	2.5.5.3 Situasi Sosiolinguistik (Sociolinguistic Situation)	40
	2.5.5.4 Perantaraan (Modality)	40
	2.5.5.5 Usia (Age)	41
	2.5.5.6 Rangkaian peraturan yang berdekatan (Successions Of Approximative Systems)	42
	2.5.5.7 Hierarki Kepeyahan Umum (Universal Hierarchy Of Difficulties)	42
2.6	Perbezaan Antara Kesalahan (Error) Dan Kesilapan (Mistake)	43
2.7	Pembahagian Kesalahan (Error)	44
2.8	Proses Mengenalpasti Kesalahan Bahasa	44
2.9	Pengaruh Bahasa Ibunda (Transfer From Mother Tongue)	45
2.10	Pembentukan Hipotesis Yang Salah (False Hypothesis)	46
2.11	Kesimpulan	47
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	49
3.1	Reka Bentuk Kajian	49
3.2	Prosedur Pemilihan Responden Kajian	52
3.3	Kerangka Teoritikal Kajian	53
3.4	Instrumen Kajian	54
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	57
	3.5.1 Kesahan Instrumen	57
	3.5.2 Kajian Rintis	58
	3.5.3 Kebolehpercayaan Instrumen	59
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	59
	3.6.1 Prosedur Sebelum Kajian	59
	3.6.2 Prosedur Semasa Kajian	59
3.7	Prosedur Analisis Data	60
3.8	Penutup	63
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	64
4.1	Dapatan Kajian Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Ujian Bahasa Arab	64
4.2	Dapatan Kajian Tahap Penguasaan Pelajar dalam Penggunaan <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	65
4.3	Kesimpulan	74
4.4	Dapatan Kajian Bentuk-bentuk Kesalahan Pelajar	

	dalam <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	75
4.5	Kesimpulan	87
4.6	Dapatan Faktor Linguistik Yang Mempengaruhi Kesalahan Pelajar Melayu Yang Mempelajari Bahasa Arab	87
4.7	Kesimpulan	100
4.8	Dapatan Soal Selidik Persepsi Pelajar Terhadap Nahu Bahasa Arab	101
4.9	Kesimpulan	103
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	104
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	104
5.2	Saranan dan Cadangan	105
	5.2.1 Saranan Bagi Mengatasi Masalah Kelemahan Penguasaan <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> dalam Kalangan Pelajar	105
	5.2.2 Cadangan Kajian Lanjutan	109
5.3	Penutup	110
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	111
	<b>LAMPIRAN</b>	120
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	141

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Tanda-tanda Mu'annath	14
2.2	Contoh Kesalahan Aspek Frasa	31
2.3	Pola Ayat Kerjaan dan Ayat Namaan	32
2.4	Contoh Kesalahan Ayat Kerjaan dan Ayat Namaan	32
2.5	Persamaan Maksud Istilah dalam Teori Jack C. Richard dan S.P. Corder Yang Digunakan Dalam Kajian	48
3.1	Demografi Sampel Kajian	52
3.2	Pembahagian Soalan Ujian Bahasa Arab	56
3.3	Senarai Komuniti Bagi Mengukur Kesahan Instrumen Kajian	58
3.4	Prosedur Analisis Data Kajian	60
3.5	Gred Pencapaian STPM	61
3.6	Pembahagian Markah Mengikut Item Soalan Ujian	62
3.7	Skala Likert Lima Mata Persepsi Pelajar Dalam Pembelajaran Nahu Bahasa Arab	63
4.1	Analisis Keseluruhan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Objektif <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> mengikut Gred Mata Pelajaran	67
4.2	Skor keseluruhan Markah Ujian Objektif <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> berdasarkan Item Soalan	68
4.3	Pengkelasan Aspek Sintaksis berkaitan <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i>	75
4.4	Bentuk-bentuk Kesalahan Sintaksis dalam Karangan Bahasa Arab	75
4.5	Bentuk-bentuk Kesalahan Penggunaan Kata dalam Karangan Bahasa Arab Pelajar	76
4.6	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Nama (1)	77
4.7	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Nama (2)	77
4.8	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Ganti Nama (1)	78
4.9	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Ganti Nama (2)	78
4.10	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Kerja (1)	79
4.11	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Kerja (2)	79
4.12	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Tunjuk (1)	80
4.13	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Tunjuk (2)	80
4.14	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Hubung (1)	80
4.15	Kesalahan Ayat Penggunaan Kata Hubung (2)	81
4.16	Bentuk-bentuk Kesalahan Penggunaan Frasa dalam Karangan Bahasa Arab Pelajar	82
4.17	Kesalahan Ayat Penggunaan Frasa Nama	82
4.18	Kesalahan Ayat Penggunaan Frasa Adjektif	83
4.19	Kesalahan Ayat Penggunaan Frasa Kerja	83
4.20	Bentuk-bentuk Kesalahan Penggunaan Ayat dalam Karangan Bahasa Arab	84
4.21	Kesalahan Penggunaan Struktur Ayat Namaan (1)	85

4.22	Kesalahan Penggunaan Struktur Ayat Namaan (2)	85
4.23	Kesalahan Penggunaan Struktur Ayat Kerjaan (kata kerja transitif)	86
4.24	Kesalahan Penggunaan Struktur Ayat Kerjaan (kata kerja tak transitif)	86
4.25	Jenis-jenis Kesalahan Bahasa dalam soalan Ujian <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> (Bahagian A)	88
4.26	Contoh Kesalahan disebabkan Kejahilan terhadap Sekatan Peraturan Bahasa (ignorance of rule restrictions)/ Kesalahan ( Error)	89
4.27	Contoh Kesalahan disebabkan Generalisasi Melampau (Over-Generalization) / Hierarki Kepayahan Umum/ Kesilapan (Mistake)	91
4.28	Faktor-Faktor Kesalahan Bahasa dalam Soalan Subjektif (Karangan) Bahagian B	92
4.29	Contoh Kesalahan disebabkan Gangguan Bahasa Ibunda ( <i>interlingual transfer</i> )	93
4.30	Contoh Kesalahan disebabkan Generalisasi Melampau (over-generalization)	95
4.31	Contoh Kesalahan disebabkan Kejahilan terhadap Sekatan Peraturan Bahasa ( <i>ignorance of rule restrictions</i> )	96
4.32	Contoh Kesalahan disebabkan Membuat Andaian yang Salah Terhadap Konsep Bahasa ( <i>false concepts hyphothesized</i> )	98
4.33	Skor Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Terhadap Nahu Bahasa Arab	101

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Carta Aliran Kerja	51
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	54
3.3	Proses Pembinaan Item Soal Selidik	56
3.4	Sistem Pengiraan Markah Ujian Bahasa Arab	63





## SENARAI CARTA

Carta		Halaman
4.1	Skor Keseluruhan Responden dalam Ujian Bahasa Arab	64
4.2	Skor Keseluruhan Ujian Objektif <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> Mengikut Pemarkahan	66
4.3	Skor Keseluruhan Ujian Objektif <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> Mengikut Bilangan Pelajar	66
4.4	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item Kata Nama : ( <i>Ism</i> )	68
4.5	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar dalam penggunaan <i>Tadhkīr</i> dan <i>Ta'nīth</i> Mengikut Item Kata Tunjuk : ( <i>Ism Ishārat</i> )	69
4.6	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item Kata Hubung : ( <i>Ism Mawsūl</i> )	70
4.7	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item Kata Kerja Kala Lampau : ( <i>Fi'l Mādī</i> )	70
4.8	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item Kata Kerja Kala Kini: ( <i>Fi'l Mudāri'</i> )	71
4.9	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item (Kata Kerja Perintah : <i>Fi'l Amr</i> )	72
4.10	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item ( <i>Mufrad, Muthanna &amp; Jama'</i> )	72
4.11	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item (Hukum <i>Ta'nīth</i> )	73
4.12	Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Penggunaan <i>Tadhkīr Dan Ta'nīth</i> Mengikut Item ( <i>Mudhakkar, Mu'annath haqīqī</i> dan <i>Majazi</i> )	74

## SENARAI SINGKATAN

SMKA  
STPM  
KPM

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama  
Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI  
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)**

**A. Konsonan**

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	’
ي	y
ة	ah*

\* *Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.*

## B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	أي	ay
ي	i	ي	ī	أو	aw
و	u	و	ū		



## BAB 1

### PENDAHULUAN

Ilmu nahu memainkan peranan penting ke arah menguasai bahasa Arab sepenuhnya (Ahmad Kilani, 2001:50). Ia adalah salah satu disiplin ilmu dan unsur terpenting dalam membentuk sistem berbahasa secara lisan atau tulisan sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Khaldun di dalam *al-Muqaddimāt* (tt:545):

*Bab berkaitan ilmu Lisān Arab; Rukunnya ada empat bahasa, nahu, bayān dan sastera. Mendalaminya adalah penting bagi semua ahli agama. Kerana semua hukum-hakam agama diambil daripada al-Quran dan as-Sunnat, kedua-duanya dalam bahasa Arab. Kedua-duanya dipindahkan daripada para sahabat dan tabi'īn dan mereka juga arab. Huraian masalahnya juga dalam bahasa mereka. Maka tidak dapat tidak, mesti menguasai pengetahuan yang berkaitan dengannya, bagi sesiapa yang ingin menguasai ilmu agama. Keempat-empatnya pula berbeza tahap daripada segi keutamaannya. Yang paling utama ialah ilmu nahu kerana melaluinya diketahui maksud yang dikehendaki. Melaluinya diketahui yang mana al-fā'il, yang mana al-maf'ul dan yang mana al-mubtada', yang mana al-khabar. Tanpanya nescaya tidak jelas maksudnya.*

Pernyataan ini disokong oleh al-Sha'bīyy dalam Mahmud Fajal (1997:47) yang mana berpendapat:

*“di antara perkara yang diperlukan oleh seorang penulis negara (al-Kātib) ialah ilmu nahu. Dia perlu mengambil berat dengan ilmu ini dan memberikan perhatian yang secukupnya untuk menguasainya”.*

Setiap kata bahasa Arab sentiasa terikat kepada semantik tatabahasa untuk memastikan setiap ujaran atau ayat yang hendak disampaikan mempunyai makna yang boleh difahami (Naimah Abdullah, 2003:11-16). Penguasaan bahasa Arab dinilai melalui kemahiran dan kepakaran seseorang dalam membentuk kata dan frasa yang sempurna mengikut sistem nahu yang tepat.

Para ilmuan silam dan moden telah menetapkan kaedah dan rumus tertentu dalam membentuk sesuatu perkataan Arab sama ada bentuk tunggal, frasa atau ayat agar mesej yang disampaikan dalam proses komunikasi dapat difahami dengan betul. Secara spesifiknya, nahu merupakan cabang ilmu linguistik Arab yang membincangkan hubungan antara lafaz dengan maknanya melalui fleksi. Fleksi merupakan komponen utama ilmu nahu yang berperanan dalam menentukan baris pada akhir kata serta membincangkan beberapa aspek lain seperti aspek kata yang merujuk kepada bilangan *mufrad*, *muthanna*, *jamā'*, gender, struktur ayat seperti

*taqdīm*, *ta'khīr*, dan sebagainya (Ibrāhīm Mustafa et.al, 1972; al-Ahwāni, 1983; Zahoor Ahmed, 2008; Zaidan, 2011 dalam Zahriah Hussin et.al (2016:97)). Dari sudut pandangan yang lain pula terdapat ulama nahu berpendapat ia adalah aplikasi gabungan dalam proses *i'rāb* berdasarkan kaedah nahu yang sangat terperinci sebagaimana dijelaskan oleh al-Shimnīy (2012:9):

*Ia adalah meletakkan perkataan yang telah digabungkan (dalam sesuatu ayat) sesuai dengan tuntutan (kaedah) pembentukan (nahu) bahasa Arab, sepertimana dikatakan; i'rāb qasidah apabila kamu menjejaki kalimah dalam nahu.*

Sistem *i'rāb* dilihat begitu kompleks namun bersifat fleksible mengikut susunan ayat yang dibentuk. Ia membantu dan menjamin bahasa yang disampaikan adalah tepat dan difahami mengikut kehendak makna serta dapat menghilangkan kesamaran pendengar atau pembaca (Najjah Salwa Abd Razak, 2011: 88). Kesalahan dari aspek *i'rāb* dalam struktur ayat bahasa Arab akan membawa kesan perubahan dari segi makna perkataan yang digunakan. Kecelaruhan dalam implimentasi kaedah nahu bahasa Arab bagi membezakan baris di hadapan untuk pelaku (*fā'il*) dan baris di atas untuk objek (*maf'ul*) sudah tentu akan membawa kesalahan dari segi memahami perkataan yang digunakan sama ada melalui tulisan atau lisan (Ahmad Kilani Mohamed et.al, 2003:3).

Dalam usaha melahirkan generasi yang berketerampilan dalam keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis; mereka seharusnya mempunyai kemampuan dan kematangan dalam pengayaan ilmu nahu secara mendalam, tepat dan terperinci. Namun, keunikan nahu bahasa Arab yang bersifat kompleks telah mendatangkan satu persepsi dalam kalangan bangsa Arab dan bukan Arab (*Ajñabī*) bahawa ia adalah satu ilmu yang sukar untuk difahami dan dikuasai. Kerumitan ini merangkumi pelbagai aspek seperti struktur ayat, sistem makna, sistem perubahan baris dan kata dalam ayat serta hukum *i'rāb* dan sebagainya (Hazrul Affendi Mohmad Razali et.al, 2016:3). Mat Nawī Mat Jusoh et al. (2014:1) menyatakan bahawa kesukaran menguasai kaedah nahu adalah punca utama kemerosotan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.

Bahasa adalah alat perhubungan dalam masyarakat melalui sistem berkomunikasi. Penguasaan bahasa komunikasi merupakan penguasaan peringkat yang paling tinggi kerana ia melibatkan proses pengaplikasian dalam pembentukan ayat (Asmah 1989:61) yang unggul dan sempurna mengikut sistem tatabahasa. Ahmad Sa'aduddin Wahab (2010:133) dalam kajiannya menyatakan bahawa kemahiran mengaplikasi nahu dalam menyampaikan frasa ayat bahasa Arab adalah sesuatu yang sangat mengujakan. Pengetahuan berkaitan nahu tidak memadai sekiranya tidak disusuli dengan kemahiran mengaplikasi ilmu tersebut dalam bentuk penyampaian dan komunikasi. Namun dewasa ini, seringkali didapati pembelajaran di sekolah tidak menitikberatkan penggunaan nahu bahasa Arab dalam komunikasi seharian secara menyeluruh ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua ini. Kurangnya

kesedaran terhadap kepentingan menguasai dan mempraktikkan kaedah nahu yang sebenar dalam komunikasi telah menyebabkan pelajar menghadapi pelbagai permasalahan dalam pertuturan bahasa Arab walaupun peringkat kesilapan dalam komunikasi yang berlaku hanyalah di peringkat asas berbahasa (Awaluddin, 2013:4).

Pembelajaran ilmu nahu seharusnya menekankan pembentukan tabiat berbahasa berteraskan fungsian (*wazifī*), bukan sekadar berfokus pada definisi dan isi kandungan semata-mata (Ahmad Kilani Mohamed *et.al*, 2003:2; Mat Nawi Mat Jusoh *et.al*, 2014:2). Namun, realiti corak pembelajaran nahu arab di Malaysia lebih cenderung kepada bentuk tradisional yang hanya menyentuh konsep definisi dan *i'rāb* secara terperinci. Kesan daripada tradisi ini telah menyebabkan purata pencapaian pelajar dalam nahu bahasa Arab adalah rendah di peringkat menengah mahupun di Universiti dalam aspek komunikasi dan penulisan. Mereka masih kurang berkemampuan untuk membaca dengan betul dari segi tatabahasa, sebutan huruf, tidak yakin berkomunikasi dan tidak mampu membina ayat yang sempurna mengikut ketepatan kaedah nahu bahasa Arab (Muhamad Hanan, 2011:4; Mat Taib Pa dan Mohd Rosdi Ismail, 2007:24); Noor Anida Awang *et.al*, 2014:281).

Kajian yang dijalankan oleh Che Radiah Mezah (2006:1) dan Mohamad Rofian Ismail *et.al*, (2014:296) menunjukkan bahawa kemahiran menulis karangan adalah salah satu kemahiran kebahasaan yang bersifat kompleks dan paling sukar diperolehi. Penguasaan kemahiran dalam menulis memerlukan garapan bakat semulajadi dalam kebolehan berbahasa dan pengaruh daripada pengajaran menulis yangersistem, berkesan serta menepati struktur nahu yang tepat akan menentukan kualiti penulisan karangan seseorang. Kebanyakan pelajar merasakan ia adalah cabaran utama bagi mereka dalam proses membina ayat karangan yang sempurna disebabkan kelemahan dalam penguasaan asas ilmu nahu. Mereka keliru dalam menentukan *uslūb*, *qawaīd*, laras bahasa dan kosa kata yang tepat dalam proses membina ayat dan mengarang. Ini menyebabkan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan mereka berada pada tahap yang sangat lemah (Rosni Samah, 2012:556; Khazri Osman dan Ku Esah Ku Ibrahim, 2012:133; Muhammad Zahri Abdul Karim, 2014:243; Zainol Abidin Ahmad, 2003:3) Suhaidah Abdul Samat *et.al*, 2014:3. Kajian Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini (2016:133-134) berkaitan Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah di Negeri Selangor menjelaskan bahawa kebanyakan pencapaian responden berada pada tahap sangat lemah dalam ujian penulisan karangan. Kesemua mereka hanya berada pada tahap 50% jawapan yang betul bagi soalan penyusunan petikan menjadi satu cerita yang lengkap. Begitu juga bagi soalan karangan berbentuk bebas, didapati hanya dua orang responden mencapai keputusan sederhana, manakala 58 orang responden lagi berada pada tahap lemah dan sangat lemah. Responden kajian menyatakan antara faktor utama kelemahan mereka dalam aspek penulisan karangan disebabkan ketirisan ilmu dalam penguasaan nahu Arab. Mereka keliru untuk menentukan kesesuaian penggunaan frasa kerja, frasa nama dan hukum-hukum *qawaīd* lain dalam *uslūb insha'*.

Kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab turut dipengaruhi oleh sistem bahasa ibunda apabila mereka sukar untuk memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat bahasa Arab (Normila Norudin *et.al*, 2014:3). Pelajar yang bukan penutur bahasa Arab jati seringkali melakukan kesilapan apabila cenderung untuk merangka struktur ayat bahasa Melayu terlebih dahulu sebelum diterjemahkan ke dalam bahasa Arab sama ada dalam penulisan atau pertuturan. Punca utama kelemahan pelajar ini disebabkan pertembungan dwibahasa antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam proses pembinaan ayat dan sikap pelajar yang tidak menitikberatkan kepentingan penguasaan nahu sebagai bahasa kedua dalam pembelajaran. Rosni Abu Samah (2012:557) menyatakan bahawa pelajar kurang mampu untuk membina ayat dalam bahasa Arab apabila menggunakan frasa kerja dan dilihat seringkali melakukan kesilapan dalam memilih kosa kata yang sesuai untuk pelaku bagi kata kerja. Mereka keliru dalam menyusun struktur ayat terutama jika terdapat perkataan yang hampir sama maknanya untuk pelaku.

Manakala kajian Hashim (2009:285) turut menyokong kajian Rosni Abu Samah (2012:557) dengan menjelaskan bahawa kesalahan kata kerja merupakan antara kesalahan yang ketara dalam pembelajaran nahu bahasa Arab. Kecelaruhan dalam menentukan kata kerja yang sesuai menyebabkan proses pembinaan frasa kerja dalam struktur ayat bahasa Arab menjadi lebih sukar. Ketidakkampuan mereka dalam membina ayat dalam bahasa Arab adalah disebabkan kelompangan ilmu dalam penguasaan kosa kata dan tatabahasa dengan baik. Bertepatan dengan kajian Normila Norudin *et.al* (2014:7), membuktikan responden kajian gemar mengekalkan fungsi kata kerja bagi ganti nama (أنت) berbanding ganti nama lain dalam struktur ayat frasa kerja sebagaimana berikut:

" إصْبِرْ يَا قَاطِمَةُ، إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ، هَيَّا تُمَارِسُ قَبْلَ تَرْجِعُ "

Ayat di atas menunjukkan terdapat kesalahan penggunaan kata kerja (إصْبِرْ) bagi subjek yang mana pelaku dalam ayat adalah bergenus *mu'annath*; seharusnya menggunakan kata gantinama (أنت) iaitu (إصْبِرِي). Kesilapan ini berpunca disebabkan pengaruh bahasa ibunda yang hanya mengekalkan kata kerja yang sama walaupun pelakunya berbeza. Sedangkan dalam bahasa Arab kata kerja adalah berbeza mengikut jenis gender dan bilangan pelaku.

Begitu juga terdapat kajian lain yang memfokuskan elemen tertentu dalam aspek nahu turut membuktikan tahap kualiti pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua ini adalah lemah. Pelajar didapati melakukan kesalahan kata kerja (Hashim Mat Zain, 2009:285), kesalahan kata sendi nama (Haslina Hassan & Nuraihan Mat Daud, 2011:39-41), kesalahan penggunaan partikel "al" (Ahmad Rusydi Haroon, 2010:1), kesalahan dalam *maf'ūlum bih* (Mohd Shupian Majid, 2015:1), kesalahan dalam penggunaan kosa kata (Nazzil Saifuddin Abd. Rahim, 2013:2), kurang mampu untuk menentukan kedudukan baris dalam alamat *i'rāb* pada kata nama *mufrad* dan *jamā'* (Radiyah Mohamad, 2015:3; Noor Anida Awang *et.al*, 2014:281).



Menurut Mustafa Ruslam dalam Mat Taha Ariffin (1995:41) permasalahan yang sering dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab ialah penguasaan pada struktur ayat. Pelajar mudah keliru untuk membezakan penggunaan konsep *muthanna* dan *jamā'*, konsep aplikasi *fi'l* dalam frasa kerja, konsep penggunaan kata *nakirah* dan *ma'rifah* dan pengplikasian *partikel jar* serta kata tunjuk samada dalam penulisan atau pertuturan.

Ab. Halim Mohamad (2002:9) pula menyatakan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang telah melepasi peringkat sekolah menengah dan berjaya memasuki pusat pengajian tinggi tempatan masih lemah, khususnya aspek penguasaan frasa Arab berbanding unsur nahu yang lain sama ada ketika bercakap, membaca teks atau menulis. Bertepatan dalam kajian Abdul Razif Zaini (2016:15) berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di peringkat lepasan menengah menunjukkan kebanyakan pelajar hanya menguasai 1231 patah perkataan secara purata sepanjang pengajian. Ini menunjukkan majoriti responden memiliki saiz kosa kata di bawah paras minimum walaupun telah melalui tempoh pembelajaran yang panjang.

Manakala menurut Muslikah dalam Mohamad Rofian Ismail *et.al*, (2014:301) dalam kajiannya menyatakan kesalahan nahu mencakupi kesalahan dari segi *i'rāb* (fleksi), penggunaan *ism dhamīr* (kata ganti nama), penggunaan *ism mawsūl* (kata nama hubung), penggunaan *huruf mudhāra'ah* (huruf-huruf kata kerja), penggunaan *mufrad, muthanna dan jamā'* (tunggal, duaan dan plural, penggunaan *al-ta'rif* (*Alf&Lam* pada kalimah) dan penggunaan *mudhakkar dan mu'annath* (gender).

Berdasarkan kesemua pandangan dan pernyataan di atas menunjukkan bahawa ilmu nahu mempunyai implikasi yang tersendiri terhadap makna sesuatu ayat dalam linguistik Arab. Penggunaan sistem nahu yang betul dan sempurna akan dapat membantu mempertingkatkan kualiti penggunaan bahasa yang tepat serta bermutu tinggi. Namun begitu, kajian literatur memperlihatkan fenomena yang berlaku dalam pembelajaran nahu sama ada di peringkat sekolah atau di Universiti telah membuktikan tahap penguasaan pelajar masih lemah dan perlu kepada penyelesaian yang efisien bagi mengatasinya.

## 1.1 Pernyataan Masalah

Pelbagai penyelidikan berkaitan tahap penguasaan ilmu nahu telah dibahaskan sebelum ini. Kepelbagaian pandangan sarjana jelas menunjukkan aspek penguasaan adalah salah satu daripada cabang perbahasan tatabahasa samada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Salah satu topik penting yang sering mendapat perhatian penyelidik dalam lapangan ilmiah adalah *tadhkīr* dan *ta'nīth*.

Terdapat banyak penulisan ilmiah berkaitan *tadhkīr* dan *ta'nīth* khususnya menerusi karya-karya di dalam bidang ilmu nahu bahasa Arab. Para ahli nahu silam telah meletakkan satu asas yang jelas dalam pengkajian berkenaan topik ini bahkan mereka juga menamakan karya-karya mereka dengan judul *al-Mudhakkār* dan *al-Mu'annath*. Antara ahli nahu yang dimaksudkan itu ialah Abi Hatīm Sahl bin Muhammad al-Sijistānī (w.255H) dan Abu Bakar bin al-Anbari (w.328H). Kedua-dua Ilmuwan bahasa ini telah mengarang kitab dengan judul yang sama iaitu *al-Mudhakkār wa al-Mu'annath*. Begitu juga Nahuan Arab moden seperti Dr. Ahmad Mahmud al-Sayyīd menerusi karyanya *Asāsīyyat al-Qawā'id al-Nahwīyyah: Muṣṭalaha wa Tatbīqān* turut membahaskan topik ini secara terperinci dalam kitab karangannya.

Menurut A'la Muhammad Hassan & Hanan Ismail (2014:700) di dalam penulisan bertajuk *رُؤْيَةُ فِي تَعْلِيمِ التَّدْكِيرِ وَالتَّنْثِيهِ لِلنَّاطِقِينَ بَعْدَ الْعَرَبِيَّةِ* menyatakan topik *tadhkīr* dan *ta'nīth* adalah pembuka atau muqaddimah bagi mendalami ilmu sintaksis yang lain. Mereka berpendapat bahawa *tadhkīr* dan *ta'nīth* saling berhubungan dengan elemen-elemen nahu seperti '*adād, jumu', taṣghīr, ism ishārat, ism mawṣūl, na'at wa man'ūt* dan lain-lain. Manakala Hakim Zainal & Mohd Muslim Abdullah (2014:4) menjelaskan bahawa penguasaan dalam aspek *tadhkīr* dan *ta'nīth* adalah antara elemen asas dalam tatabahasa Arab. Hal ini kerana boleh dikatakan setiap pertuturan dan penulisan bahasa Arab melibatkan fungsian *tadhkīr* dan *ta'nīth*. Jika seseorang pelajar tidak menguasai aspek ini, maka mereka sebenarnya tidak memahami peraturan tatabahasa Arab secara keseluruhannya. Mereka turut memperjelaskan dalam dapatan kajian bahawa memiliki pengetahuan yang tinggi dan luas dalam peraturan genus '*adād* dan *ma'dūd* akan dapat membantu seseorang pelajar mengaplikasikannya dalam penulisan dengan betul.

Bahkan terdapat kajian turut memperlihatkan wujud variasi bahasa di dunia berdasarkan elemen gender, sebagai contoh Palmer (1989:136) berpendapat bahawa, dalam bahasa Perancis nama-nama pekerjaan yang diakhiri dengan perkataan *sentinelle* adalah bersifat feminin. Manakala Holmes (2001:151) menyatakan aspek gender turut digunakan dalam bahasa Jepun. Istilah *okane* menggambarkan wanita manakala *kane* digunakan oleh lelaki. Dalam bahasa Inggeris pula, penggunaan perkataan yang membezakan gender amat dititikberatkan, terutama pada kata ganti nama diri (Suhaidah Said *et.al*, 2014:2) iaitu bagi lelaki ditandai dengan kosa kata *he* dan *his* manakala wanita *she*, dan *her* dan *it* untuk neutral. Ini membuktikan elemen gender bersifat kompleks dan unik kerana penggunaan istilahnya berbeza bagi setiap bahasa tetapi membawa maksud yang sama iaitu lelaki dan perempuan. Namun, penggunaan gender dalam bahasa Arab berbeza dengan bahasa yang lain. Ia tidak semestinya menunjukkan istilah seks atau kelamin bagi lelaki atau perempuan, tetapi turut menghimpunkan kata benda di dalam jenis *tadhkīr* dan *ta'nīth* (Agung Setiyawan, 2014:246). Sebagai contoh, *مَسْجِد* (masjid) adalah termasuk dalam elemen *tadhkīr* manakala *مَدْرَسَة* (sekolah) dikategorikan sebagai *ta'nīth*. Aspek *tadhkīr* dan *ta'nīth* yang wujud dalam konteks tersebut menunjukkan ia adalah salah satu karakteristik bahasa Arab yang berbeza daripada bahasa-bahasa yang lain. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa elemen *tadhkīr* dan *ta'nīth* telah diakui mempunyai nilai komersil dalam proses pengajaran dan pembelajaran nahu bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, keunikan dan keindahan *tadhkīr* dan *ta'nīth* dilihat menjadi isu dan masalah utama bagi golongan penutur bukan bahasa Arab. Terdapat kajian sarjana nahu menunjukkan banyak kesilapan yang sering timbul dalam proses pengaplikasian *tadhkīr* dan *ta'nīth* ini. Kajian Normila Norudin *et.al*, (2014:4) yang dilakukan ke atas 30 orang pelajar semester satu Diploma Pengajian Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melalui data analisis kesalahan terhadap transkripsi dialog yang diambil daripada rakaman video jelas menunjukkan sampel yang terlibat telah melakukan kesalahan tatabahasa terutamanya dalam aspek penentuan kata kerja yang tepat selari dengan kata nama atau pelaku sesuatu perbuatan dalam pembinaan ayat bahasa Arab. Dapatan kajian membuktikan bahawa kesalahan yang melibatkan penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam kata kerja telah mencatat jumlah kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 32 kesalahan dengan peratusan 25.6%. berbanding dengan kesalahan *ifrād*, *thānīyah* dan *jamā'* serta kesalahan *zamānul fi'li*.

Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ali Alamry (2014:59-60 ) berkaitan tahap perolehan nahu dalam *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam kalangan pelajar dewasa yang mempelajari bahasa Arab. Peserta kajian terdiri daripada 40 orang pelajar bidang bahasa dan linguistik di Universiti King Saud, Riyadh, Arab Saudi berlatar belakangkan budaya dan bangsa yang berbeza seperti Indonesia, Malaysia, Filipina, China, Nepal, Iran, Turki dan Perancis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir kesemua responden kajian tidak mampu untuk menjawab dengan betul dan tepat secara konsisten dalam semua ujian yang dijalankan walaupun mereka telah mempelajari bahasa Arab sejak di peringkat akil baligh lagi. Pengkaji berpendapat sistem gender adalah elemen yang paling mencabar bagi pelajar bukan Arab untuk menguasainya (Ali Alamry, 2014:20).

Begitu juga, masalah nahu lain yang turut dikenal pasti mengganggu pelajar dalam menguasai bahasa Arab adalah kekeliruan mereka untuk mengenal pasti konsep '*adād wa ma'dūd*'. Hakim Zainal & Mohd Muslim Abdullah (2014:4) berpendapat bahawa tajuk '*adād wa ma'dūd*' adalah antara tajuk nahu yang sukar dipelajari dan dikuasai oleh pelajar, dan ia juga secara tidak langsung melibatkan penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth*. Dalam kajian yang dilakukan di dua buah sekolah menengah agama di Temerloh, Pahang mendapati kesalahan padanan genus bagi '*adād* dan *ma'dūd*' mencatat peratusan kedua tertinggi iaitu 29.67% (275 kesalahan). Manakala dapatan soal selidik menunjukkan 11 orang responden (18%) bersetuju bahawa mereka sukar menulis '*adād* dan *ma'dūd*' kerana mereka tidak menguasai konsep *mudhakkār* dan *mu'annath* (gender). Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian Mohamad Hussin (2010:154) berkaitan penguasaan *al-'adād wa al-ma'dūd* dalam kalangan pelajar mendapati antara kesilapan yang kerap dilakukan oleh responden kajian apabila keliru dengan penukaran kod di antara *mudhakkār* dan *mu'annath* (gender) semasa menggunakan '*adād* dan *ma'dūd*'.

Pengkelasan kosa kata mengikut jenis gender sangat penting bagi pelajar yang ingin menguasai topik *tadhkīr* dan *ta'nīth*. Kemahiran mengenal dan menggunakan kata gender adalah satu kelebihan dalam menghasilkan struktur ayat yang betul dan menepati sistem nahu. Kajian Mohamad Baihaqi Hasni dan Farah Hanan Aminallah

(2017:100) berkaitan analisis kontrastif dalam penggunaan gender antara bahasa Arab dan Melayu mendapati sebahagian besar responden kajian menghadapi masalah dalam mengenalpasti variasi bentuk perkataan bagi lelaki dan perempuan dalam bahasa Arab. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat dua aspek utama yang menjadi kecelaruan responden iaitu mengklasifikasikan lexis kata gender mengikut kategori jenis kata nama bukan manusia seperti kesalahan dalam menentukan kosa kata bagi *al-Jamad* yang mencatat kesalahan yang tertinggi (93%), kesalahan pada kata nama *al-Insan* (83%), kesalahan menentukan gender pada kata nama *al-Haiwān* (76%), *al-Makān* (50%) dan *an-Nabāt* (30%). Manakala kesilapan turut berlaku apabila responden keliru untuk menentukan gender perkataan mengikut genre lelaki atau perempuan. Sebagai contoh perkataan *حَمْرَة* dan *سَمْر*, kebanyakan responden menyatakan *حَمْرَة* adalah nama yang sinonim bagi lelaki namun dalam kosa kata Arab ianya dikategorikan sebagai *مؤنث لفظي*. Begitu juga pada kalimah *سَمْر* merupakan feminin walaupun tiada ciri-ciri nyata sebagai gender perempuan.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia telah mengalami beberapa transformasi pendidikan termasuklah perubahan dan penambahbaikan kurikulum, silibus serta kepakaran tenaga pengajar bagi memastikan kemahiran-kemahiran bahasa Arab dapat dikuasai dengan baik. Pelajar diberi pendedahan yang secukupnya dalam kemahiran menulis bahasa Arab meliputi *uslub*, gaya bahasa, sintaksis dan morfologi. Meskipun ada di antara mereka mempunyai matlamat dan objektif yang jelas serta bermotivasi tinggi untuk mempelajari bahasa kedua, tetapi ramai yang sangsi terhadap keupayaan mereka mengimplimentasikan sintaksis ketika membuat ayat atau karangan ringkas termasuklah aspek *tadhkīr* dan *ta'nīth*. Pernyataan ini sejajar dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian Mohamad Rofian Ismail *et.al* (2014:303) berkaitan analisis kesalahan nahu bahasa Arab dalam karangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab, menunjukkan ayat yang dibina responden *هذه بَيْتِي الجميلة* melibatkan kesalahan nahu pada penggunaan *mudhakkār* dan *mu'annath*. Penggunaan *ta'nīth* pada *ism ishārat* sebagai subjek begitu juga dengan predikat bertentangan dengan konsep *tadhkīr* pada kalimah *(بَيْتِي)* menyebabkan berlakunya kesalahan nahu. Kalimah *(بَيْتِي)* menjadikan pelajar keliru antara *mudhakkār* dan *mu'annath* kerana ia berakhir dengan huruf *ta' maftuhah* (ت) bukannya *ta' marbutah* (ة) sebelum bersambung dengan kata ganti nama pertama.

Perkara yang sama turut ditegaskan oleh (Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini, 2017:25-28) bahawa pelajar didapati masih lemah dalam menguasai konsep *tadhkīr* dan *ta'nīth* ketika membina ayat bahasa Arab walaupun telah mendapat pelbagai pendedahan dan pengalaman di sekolah. Perkara ini sangat membimbangkan para pendidik bahasa Arab kerana pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia telah berlangsung dalam tempoh yang panjang. Lanjutan daripada kelemahan ini akan menyebabkan para pelajar tidak mampu untuk menguasai dengan baik kemahiran menulis dalam bahasa Arab di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Hal ini terbukti dalam kajian Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012:134-136) terhadap data karangan yang dihasilkan oleh para pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang berjumlah 22 orang, didapati responden menghadapi masalah dalam penyesuaian elemen *tadhkīr* dan *ta'nīth* ketika membina ayat yang melibatkan frasa nama dan frasa kerja.

Manakala kajian Awaluddin (2013:161) berkaitan aplikasi nahu dalam komunikasi Bahasa Arab, menjelaskan terdapat ketidakselarian penggunaan kata *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam aplikasi kata ganti nama *jamā'* dan kata ganti nama tunggal, kata tunjuk serta kata kerja suruhan. Pelajar juga didapati seringkali melakukan kesilapan dalam membuat penjodoh bilangan bagi *tadhkīr* dan *ta'nīth* sama ada dalam *fi'l*, *ism*, *sifah*, *ism mawsūl*, *'adād wa ma'dūd* dan sebagainya. Ini disebabkan kurangnya penekanan penggunaan tatabahasa yang tepat dan betul dalam komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Dapatan dari pelbagai literatur di atas memperlihatkan kelemahan kualiti penguasaan *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam kalangan pelajar. Pengkaji berpendapat topik *tadhkīr* dan *ta'nīth* merupakan elemen asas yang perlu diberi perhatian secara menyeluruh dan terperinci bagi tujuan menguasai tahap penggunaan nahu bahasa Arab dengan baik. Walhal, penekanan pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan ruang yang luas dalam pendidikan untuk mempelajari setiap komponen sintaksis dalam silibus termasuklah aspek *tadhkīr* dan *ta'nīth* bermula peringkat rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang bahasa Arab. Para pelajar dilihat telah mendapat pendedahan yang cukup dan seharusnya telah menguasai topik ini sepanjang proses pembelajaran sebagaimana yang telah digariskan dalam objektif Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab.

Walaupun terdapat banyak penyelidikan menyentuh isu *tadhkīr* dan *ta'nīth*, namun ianya bersifat umum dan hanya menekankan satu atau dua aspek khusus seperti fungsian *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam *'adād wa ma'dūd*, frasa kerja atau dikaitkan dengan isu nahu yang lain. Terdapat juga kajian yang mengukur tahap pencapaian pelajar dalam nahu bahasa Arab, namun ianya belum dikaji secara meluas dan hanya melihat dalam bentuk general sahaja.

Justeru, satu kajian yang berfokus kepada *tadhkīr* dan *ta'nīth* perlu dilaksanakan bertujuan untuk memberi penjelasan lengkap berkaitan tahap penguasaan *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam kalangan pelajar khususnya golongan yang lebih senior di peringkat menengah atas. Pengkaji ingin melihat sejauh mana penguasaan mereka terhadap topik *tadhkīr* dan *ta'nīth* serta mengenal pasti jenis kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar tersebut dalam penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth*. Oleh itu, tumpuan diberikan kepada pelajar Tingkatan enam sebagai responden kajian di salah sebuah sekolah menengah kebangsaan Agama (SMKA) di Selangor kerana pelajar-pelajar ini telah berpengalaman mempelajari bahasa Arab lebih dari 5 tahun dan suasana pembelajaran yang terdedah dengan "*bi'ah*" Islamiah yang mengharuskan para pelajar ini bertutur dalam bahasa Arab.

## 1.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dikemukakan sebelum ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang akan dibincang dan dihurai dalam kajian ini. Persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Bagaimanakah tahap penguasaan pelajar Menengah SMKA dalam penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth*.
- 2) Apakah bentuk kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar Menengah SMKA dalam *tadhkīr* dan *ta'nīth*.
- 3) Apakah faktor linguistik yang mempengaruhi kesalahan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang berikut:

- 1) Menjelaskan tahap penguasaan pelajar Menengah SMKA dalam penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth*.
- 2) Menghurai bentuk kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar Menengah SMKA dalam *tadhkīr* dan *ta'nīth*.
- 3) Menganalisis faktor linguistik yang mempengaruhi kesalahan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Penguasaan dalam aspek *tadhkīr* dan *ta'nīth* adalah antara elemen asas dalam tatabahasa Arab dan ia dikenal pasti sebagai pengenalan (*muqaddimah*) dalam mendalami ilmu sintaksis yang lain (Hakim Zainal & Mohd Muslim Abdullah, 2014:4; A'la Muhammad Hassan & Hanan Ismail (2014:700). Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat membuka mata dan minda para pelajar untuk mendalami topik ini secara menyeluruh dan mengenal pasti jenis-jenis kesalahan *tadhkīr* dan *ta'nīth* dalam aplikasi nahu; dalam usaha merancang strategi pembelajaran yang sesuai serta efektif mengikut tahap mereka sebagai kesediaan menghadapi STPM kelak. Secara tidak langsung kesedaran yang tinggi ini dapat meningkatkan mutu dan kualiti penguasaan mereka dalam topik *tadhkīr* dan *ta'nīth*.

Kajian ini juga penting dijalankan bagi memberi gambaran keseluruhan kepada pihak berkepentingan iaitu pihak yang menggubal kurikulum di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, tenaga pengajar dalam kalangan guru-guru atau pengkaji-pengkaji bidang bahasa Arab untuk meneliti dan menilai sama ada ilmu nahu khususnya tajuk *tadhkīr* dan *ta'nīth* yang merupakan sebahagian daripada bidang sintaksis telah disimplifikasi bagi menyelesaikan masalah kesukaran menguasai pembelajaran bahasa Arab atau masih mengekalkan persembahan nahu tradisional (Aziyun Othman, 2014:9). Oleh itu, pemahaman secara jelas tentang struktur *tadhkīr* dan *ta'nīth* sebagai nahu asas Arab boleh mencetuskan idea dalam merancang kaedah dan penyelidikan yang efisien dan berkualiti khususnya pendekatan yang terbaik bagi membantu pelajar yang bukan penutur jati untuk menguasainya. Ini kerana pengajian nahu bahasa Arab adalah satu pengajian yang memerlukan kepada kaedah yang sesuai di samping beberapa faktor yang perlu ada untuk mewujudkan minat pelajar (Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi, 2012:2) dalam subjek ini.

## 1.5 Hipotesis Kajian

Selaras dengan objektif kajian, hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- HA1: Tiada perbezaan ketara antara kesalahan penggunaan kata kerja (*fi'l*) dengan kata nama (*ism*) yang dilakukan oleh pelajar.
- HA2: Terdapat banyak kesalahan dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing dipengaruhi oleh faktor bahasa ibunda.

## 1.6 Batasan Kajian

Bagi mencapai objektif yang digariskan, pengkaji telah menetapkan batasan kajian sebagaimana berikut:

### i) Tajuk Kajian

Terdapat beberapa topik yang dibahaskan berkaitan nahu bahasa Arab, namun pengkaji hanya memberi fokus kepada tajuk *tadhkīr* dan *ta'nīth*; dilihat pada persepsi penguasaan pelajar berkaitan tajuk ini melalui maklumat yang diberikan oleh sampel dalam instrumen kajian.

### ii) Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan tiga puluh orang pelajar tingkatan enam di salah sebuah sekolah menengah agama (SMKA) di Selangor yang menawarkan subjek bahasa Arab. Pemilihan peserta kajian dibuat berdasarkan tiga kriteria utama iaitu mengikuti pengajian sekurang-kurangnya satu semester dan berkesanggupan sebagai responden kajian bagi melibatkan diri secara aktif dalam sesi menjawab soalan yang memakan masa lebih kurang satu jam atau lebih. Seterusnya, pihak pengurusan sekolah percaya bahawa pemilihan pelajar yang terlibat berdasarkan minat dan sikap yang positif dalam bahasa Arab berdasarkan pengalaman dan kematangan mereka dalam subjek selama 5 tahun. Ini kerana pengalaman dan kematangan adalah asas dalam mendapatkan maklumat yang berwibawa dan boleh dipertanggungjawabkan (Nasih Ulwan dalam Kamarul Azmi Jasmi, 2010:22). Malahan, pengkaji juga yakin responden kajian dapat memberikan komitmen dalam memberi jawapan bagi setiap soalan.

### ii) Teori Kajian

Tumpuan kajian ini adalah berkaitan analisis kesalahan bahasa Jack C. Richard dan S.P. Corder yang berfokus kepada teori kesalahan bahasa bagi menjawab soalan kajian yang ketiga. Justeru itu, kajian ini tidak melibatkan teori-teori ahli Linguistik yang lain walaupun membahaskan perkara yang sama. Selain itu, teori Jack C. Richard dan S.P. Corder yang mendasari objektif ketiga kajian hanyalah antara sebahagian elemen yang diukur oleh pengkaji bagi melihat tahap penguasaan pelajar dalam tajuk *tadhkīr* dan *ta'nīth*.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Azim Muhammad ‘Abdullah ‘Abd al-‘Aziz. (2014). *Tahlīl al-Akhtā’ al-Kitābiyyah Fī al-Tadhkīr Wa al-Ta’nīth Ladā Tullāb al-Mustawā al-Thālith Fī Ma’had Ta’līm al-Lughah al-‘Arabiyyah Li Ghayr al-Nāthiqīn Bihā Fī al-Jamī‘ah al-Islamiyyah Bi al-Madīnah al-Munawwarah*. Tesis Sarjana. Arab Saudi: Universiti Islam Madinah.
- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran Frasa Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan*, Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education 1(1)*. 1-14.
- Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2017). Faktor Kesalahan Bahasa Yang Mempengaruhi Pelajar Melayu Dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT)*. Vol.1(3), hlm: 21-32.
- ‘Abbas Hassan. t.t. *Al-Nahwī al-Wāfī*. Kaherah: Dar al-Ma‘rif.
- ‘Abd. al-Ghani Daqr. t.t. *Mu‘jam al-Nahwi*. Beirut: Mu’assasāt al-Risālat.
- Abu al-Baqā’ Ayyūb Ibn Mūsa al-Husainiy al- Kafāwiy. (1992). *Al-Kulliyat: Mu‘jam Fī Mustalahāt Wa al-Furūq al-Lughawiyat*. Beirut: Muassasāt al-Risālat.
- Abd. Rauf Hassan. (1998). *Kategori Maskulin Dan Feminin Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Dalam Surah Al-Waqiah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abdul Jalal Abdul Manaf. (2013). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dalam Kalangan Guru Ilmu Qiraat di Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abdul Razif Zaini. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Saiz Kosa Bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab (PABA) 2016*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Agung Setiyawan. (2014). Mudhakar Dan Muannats: Sumber Pendidikan Islam Bias Gender. *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 3, no.2, hlm: 245-266.
- Ahmad Khair Mohd Nor. (2003). *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu: Tatabahasa Ayat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam). *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges*, Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia. Hlm: 1-12.
- Ahmad Rushdi Haroon. (2010). *Penguasaan Partikel “Al” Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ahmad Sa’aduddin Wahab. (2010). *Analisis Kesilapan Sintaksis Dan Morfologi Dalam Khutbah Jumaat*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- ‘Ala Muhammad Hassan & Hanan Ismail al-U’ mairah. (2014). Ru’yah Fī Ta’līm At-Tadhkīr Wat Ta’nīth Lin Nāthiqīn Bighairil ‘Arabiah. *Ulūmul Insān Wal Ijtīmā’iyah. Al-Majallad 41*, bil. 3.
- Ali Alamry. (2014). *The Acquisition Of Gender Agreement In Adult Learners Of Arabic*. Disertasi Sarjana, Carleton University, Ottawa, Ontario. Capaian pada 24 September 2018 daripada



[https://curve.carleton.ca/system/files/etd/ec58114d-1054-484d-90de94fbfd185684/etd\\_pdf/eb4923fb71488a45fa8a850623eb6a74/alamry-theacquisitionofgenderagreementinadultlearners.pdf](https://curve.carleton.ca/system/files/etd/ec58114d-1054-484d-90de94fbfd185684/etd_pdf/eb4923fb71488a45fa8a850623eb6a74/alamry-theacquisitionofgenderagreementinadultlearners.pdf)

- Amalia Cahyaningsih. (2015). *Kata Ganti, Ism Dhomir dan Pronoun Metode Pembelajarannya: Suatu Tinjauan Analisis Kontrastif*. Tesis Sarjana Strata Satu. Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia.
- Aiman Amin Abd. Ghaniy. (2002). *Al-Nahw al-Kāfi*. Iskandariah: Dar Ibn Khaldūn.
- Aini Haji Karim. (2007). Analisis Konstrasif dan Analisis Kesalahan Bahasa: Antara Hipotesis dan Realiti. *Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING)*. Vol:2. Hlm:212-225.
- Ashafizrol Ab. Hamid. (2015). *Kata & Frasa Bahasa Arab: Ilmu Sorof Moden*. Kedah: Alasfiyaa Sdn Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1989). *Pengajaran Bahasa Untuk Komunikasi : Pendekatan Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awaluddin. (2013). *Aplikasi Nahu Dalam Komunikasi Arab*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Azhar Muhammad. (2005). Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 42(E) Jun. 2005: 61–76. Capaian pada 26 Jun 2018 daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/1827/1/JTJUN42E5.pdf>
- Aziyun Othman @ Omar. (2014). *Analisis Simplifikasi Nahu Arab Menurut Shawqi: Dayf*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Baharuddin Shahman. (2012). *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab Dan Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Bell, R.T. (1974). Error Analysis: A Recent Pseudoprocedure In Applied Linguistics. *International Review of Applied Linguistics*. Hlm: 25-26, 35-50.
- Brown, H. Douglas. (1994). *Principles Of Language Learning And Teaching*. 3ed. New Jersey: Prentice-hall.
- Che Radiah binti Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan bahasa Arab*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Che Radiah binti Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Classes. (2014). A Pilot Study. *Porta Linguarum*. Vol. 22. Hlm: 49-59.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. (4<sup>th</sup> ed.), Boston: Pearson.
- Corder. S. P. (1974). *Error Analysis in the Edinburgh Course in Applied Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Corder. S. P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Corder. S. P. (1967). The Significance of Learner's Error. *Journal of International Review of Applied Linguistics*. Vol.4, Hlm: 161-170.
- Damaminiy, Muhammad Bin Abi Bakr. (t.t). *Tuhfat al-Gharīb Bi Syarh Mughnīy al-Labīb*. Jilid 2. Al-Qahirah: al-Maktabah al-Bahiyyāt.
- Diana Presada & Mihaela Badea. 2014. *The Effectiveness of Error Analysis in Translation Classes. A Pilot Study*. Capaian pada 15 November 2018 daripada [https://www.researchgate.net/publication/286275468\\_The\\_Effectiveness\\_of\\_Error\\_Analysis\\_in\\_Translation\\_Classes\\_A\\_Pilot\\_Study](https://www.researchgate.net/publication/286275468_The_Effectiveness_of_Error_Analysis_in_Translation_Classes_A_Pilot_Study).
- Dorothy Dewit, Norlidah & Saedah Siraj. (2013). Merekabentuk Interaksi Bagi Pembelajaran Dalam Talian: Pedagogi Modul Cml. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* . Hlm: 19-27.

- Erdogan, V. (2005). Contribution Of Error Analysis To Foreign Language Teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*. Vol. 1 (2): 261-270.
- Ellis, R. (1985). *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Far, Mustafa. (2006). *Al-Minhaj al-Mukhattat fī al-Qawā'd al-Nahw al-Mubassāt*. Amman: Dar al-Jil al-Arabiyy li al-Nashriyy wa al- Tauzi'.
- Fatina Bakar. (2016). *Pemindahan Negatif Dalam Penulisan Karangan Bahasa Sepanyol Oleh Pelajar Melayu*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Bateq. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 9(1): 47-61.
- Fazal Mohamed Sultan. (2011). The Syntactic Structure Of A Noun Phrase: Austroasiatic Vs. Austronesia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 19(1): 263-271.
- Fazal Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis Deskriptif Terhadap Struktur Frasa Kerja Bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*. Vol. 14(2): 169-191.
- Gazilah Mohd. Isa. (2011). *Pembinaan dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Ghulayaini, Musthofa. (1992). *Terjemahan Jāmi'ud Durūs al-'Arabiyyah*. Jilid 1. Semarang: CV. Asy-Syifa.
- Ghulayaini, Musthofa. (2005). *Jami' ad-Durus al-Arabiyyah*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.
- Habib Mat Som. (2013). Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam : Satu Perbincangan Mengenai Kompetensi Guru. *Prosiding 3<sup>rd</sup> International Conference On Islamic Education 2013 (Icied2013)*. EPF Institute. Kajang, Selangor.
- Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Aida Suraya Md. Yunus, Hapsah Nawawi, Rosini Abu & Wan Zah Wan Ali. (2007). Teachers' belief towards the principles underlying the national philosophy of education in Malaysia. *International Journal of Learning*. Vol. 13(9 ): 91-104.
- Hadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik* 22(1). Hlm: 24-31.
- Hamdi Qafishah. (1985). *Tahlil al-'Akhta'*, dlm *Waqā'i'U Nadwat Ta'Lim al-Lughah al-'Arabiyyah Lighayr al-Natiqina Biha*. Jilid 2. Riyad: Maktabat al-Arabi li Duwal al-Khalij.
- Hakim Zainal & Mohd. Muslim Abdullah. (2014). Penggunaan Ayat Al-Quran Dan Rumus Dalam Pengajaran al-A'dād Wa al-Ma'dūd. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia & Fakulti Kontemporari Islam, Unisza.
- Haliza Hamzah & Samuel J.N. (2008). *Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hamid, Ashafizrol Ab. (2015). *Ilmu nahuTatabahasa ArabHuraian Matan al-Ajurrumiyyah*. Kedah: Alasfiyaa Sdn Bhd.
- Hashim, A. (1999). Crosslinguistic Influence in the Written English of Malay Undergraduates. *Journal of Modern Languages*. Vol.12(1): 59-76.
- Hashim Mat Zain. (2009). *Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab Dikalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

- Haslina Hassan & Nuraihan Mat Daud. (2011). Corpus Analysis of Conjunctions: Arabic Learners' Difficulties with Collocations. *Third International Conference on Arabic Linguistics and Literature. In: Workshop on Arabic Corpus Linguistics (WACL)*. 11<sup>th</sup>-12<sup>th</sup> April 2011, Lancaster University, UK.
- Hazrul Affendi Mohamad Razali, Zamri Arifin & Hakim Zainal (2016). Analisis Item Ujian Tahap Penguasaan Ilmu nahuPelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (Stam). *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)* Vol. 2(2): 1-22.
- Hifni Nasif, Mohd. Dayyab, Mustafa Ta'mum, Mahmud 'Umar & Sultan Mohd. (1980). *Qawā'id al-'Arabiyyat*. Mesir: Dar al-Irsyād.
- Hijawiy, Arif Ahmad. (2005). *Qawā'id al-Lughat al-'Arabiyyat: Shahru Shamil ma'a Amthilat*. Amman: Dar al-Shurūq.
- Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics*. 2<sup>nd</sup> edition. London: Longman.
- Ibn al-Anbari, Abu Bakar. (1981). *Al-Mudhakkara al-Mu'annath*. Kaherah: Wazarah al-Awqaf al-Majlis al-'Ala li Syu'un al-Islamiyyah Lajnah Ihya' al-Turath.
- Ibn 'Aqil, Baha al-Din 'Abdullah. (1980). *Syarah Ibn 'Aqil*. Kāherah: Dar al-Turāth.
- Capaian pada 23 Oktober 2018 daripada <http://www.galerikitabkuning.com/2016/02/download-kitab-syarah-ibnu-aqil-pdf.html>.
- Ibn 'Aqil, Baha al-Din 'Abdullah. (2011). *Terjemahan Alfiyyah Syarah Ibn 'AQil*. Jilid 2. Bandung: Sinar Baru Algensido.
- Ibn Hajib, Jamaludin Abi 'Amru Othman ibn Omar. (1985). *Al-Qāsidat al-Muwasysyhat fī al-Jama' al-Mu'annath al-Sama'iyat*. Zarqa: Maktabat al-Manār.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1996). *Badā'i al-Fawā'id*. Makkah: Mushthafa al-Baz.
- Ibrahim Mustafa. (1972). *Al-Mu'jam al-Wāsit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- Ibrahim Mustafa. (1980). *Al-Mu'jam al-Wāsit*. Istanbul: Dārul Da'wah.
- Imel Badi' Ya'qub. (1988). *Mausu'at al-Nahw Wa al-Sarf wa al-I'rāb*. Beirut: Dar al-'Ilmi al-Malāyin.
- Ismail Muhamad & Azman Che Mat. (2010). *Memaknakan Terjemahan Frasa Sendi Bahasa ArabKe Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu Sintaksis-Semantik*. Islamiyyat: *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*. Vol. 32: 115-113.
- Ismail Suardi Wekke. (2008). *Amalan Pendidikan Bahasa ArabBerasaskan Kepelbagaian Budaya Di Pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Istrabadi, Radi al-Din Muhammad al-Hasan. (2008). *Syarh Kāfiyyah Ibn al-Hājib*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- James, C. (2013). *Errors in Language Learning and Use: Exploring Error Analysis*. New York: Fordham University Press.
- Jawharah Alasmari, Janet C.E. Watson & Eric Atwell. (2016). A Comparative Analysis Between Arabic And English Of The Verbal System Using Google Translate. *Proceedings of IMAN'2016 4th International Conference on Islamic Applications in Computer Science and Technologies. IMAN'2016 4th International Conference on Islamic Applications in Computer Science and Technologies*, 20-22 Dec 2016, Khartoum, Sudan.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kasiran, Siti Baidura and Rosly & Nurul Jamilah. (2011). *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Karangan Pelajar Asing Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. 2nd International Language Conference 2011*, 22nd-24th April 2011, IIUM. (Unpublished).
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo, Nor Ellina Abdul Razak. (2012). Kecerdasan Sosial Dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *Journal of Sciences and Humanities*. Vol. 7(1): 94-104.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail & Md Noor Hussin. (2014). Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (Psmba) Mengikut Pandangan Para Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Malaysia. *Journal International Conference : Arabic Studies & Islamic Civilization (ICASIC)*. Vol. 1(1): 152-168.
- Khairun Nisa. (2015). *Maf'ul Muthlaq (Absolute Objek) Dalam Al-Qur'an Juz 29 Dan 30 (Analisis Sintaksis)*. Tesis Sarjana. Universitas Negeri Semarang.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Vol. 2012: 130– 138.
- Kuder Richardson (KR-20) Dicapai pada 9 Oktober 2018 daripada <https://www.statistikian.com/2014/01/kr-20-dengan-excel.html>
- Liew Siew Lin. (2003). Kesalahan Bahasa dalam Karangan Pelajar Cina Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*. Vol. 3(2): 206-225.
- Maicusi, T., Maicusi:& Lopez, M.J.C. (2000). The Error In The Second Language Acquisition. *E-Journal Encuentro Revista de Investigacion Innovacion en la Clase de Idiomas*. Vol.11: 168-173.
- Mat Nawi Mat Jusoh, Hakim Zainal & Kaseh Abu Bakar. (2014). Aplikasi Rumus Dalam Pengajaran Nahu Bahasa Arab. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Hlm: 1-16. Dicapai pada 5 September 2018 daripada <https://seminarpnparab2014.wordpress.com/prosiding-atas-talian-2/>.
- Mat Taha Arifin. (1995). *A Suggested Curriculum For The Teaching Of Arabic Language For Adult In Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Antarabangsa.
- Mat Taib Pa & Mohd Rosdi Ismail. (2007). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mazlina Baharudin & Rohaida Idris. (2016). Penulisan karangan Pelajar Asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu. *e-Proceeding of the 4 th Global Summit on Education GSE 2016*. 14-15 March 2016, Kuala Lumpur. Capaian pada 15 Oktober 2018 daripada <https://worldconferences.net/proceedings/gse2016/fullpaper/GE%20015%20PENULISAN%20KARANGAN%20PELAJAR%20ASING%20DI%20INSTITUSI%20PENGAJIAN%20TINGGI%20AWAM2.pdf>.
- Moghimizadeh. R. P. (2008). *The Study of Syntactic Avoidance on the Written Production of Persian University Students Majoring in Teaching English as A Foreign Language*. Disertasi PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Hussin. (2010). *Penguasaan al-'Adād Wa al-M'adud dalam Kalangan Pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Nor Effendy Ahmad Sokri. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *Prosiding Seminar International Research Management and International Conference 2014 (IRMIC2014)*. Kuala Lumpur: Research Management Centre KUIS. Hlm: 295-310.
- Mohammed Zin Nordin. (2014). Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa Papan Tanda Perniagaan. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*. Vol.134: 330-349.
- Mohd. Shupian Majid. (2015). *Penggunaan Maf'ulum Bih dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Mohd Zulkifli Mohd Saman @ Shuhaimi. (2015). *Perbezaan Bentuk Tulisan Arab dan Jawi bagi Kata Pinjaman dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Baihaqi Hasni & Farah Hanan Aminallah. (2017). Analisis Kontrastif dalam Penggunaan Gender (المذكر والمؤنث) Antara Bahasa Arab dan Melayu dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di Universiti Malaysia Pahang. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol. 1(1): 100–109.
- Mohd. Izham Mohd. Hamzah. (2006). *Pengurusan Proses Perubahan Terancang Di Beberapa Buah Sekolah Bestari Di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Mohd. Masruki. (2017). Kesalahan Gramatika Bahasa Arab Pada Tulisan Mahasiswa Prodi Sastra Arab Ugm. *Jurnal CMES Volume X Nomor 2*. Edisi Juli – Desember 2017.
- Mohd. Muslim Abdullah. (2012). *Analisis Kesilapan Penggunaan 'Adad dan Ma'dūd dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Daerah Temerloh*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Money, J. N. N. S. (2004). *Kesalahan Bahasa dalam Karangan Murid Tamil Yang Mempelajari Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia (Unpublished).
- Muhamad Hanan. (2011). *Asbab Khawf lada Talabah Jamiah Malaya fi Kulliyah Islamiyah fi Muhadathah*. Projek Ilmiah. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Idris. (2014). *Analisis Al-Mizan Al-Sarfiy dalam Pembentukan Kata Kerja dan Kata Nama Mushtaq Bahasa Arab*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Muhammad Hasan & Hanan Ismail al-Ammayarah. (2014). Ru'yah fi Ta'lim al-Tadzkir wa al-Ta'nīth li al-Natiqin bi ghairi al-Arabiyyah. *Jurnal Dirasat Al-Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyah*. Vol. 41(3): 700-715.
- Muhammad Qutb. (2004). *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad Zahri Abdul Karim. (2014). Tahlil al-Akhto al-Lughowiyah fi Kitabah al-Insha'iyah Lada Tholabah al-Sanah al-Robi'ah. *Seminar Pendidikan Bahasa Arab Peringkat Kebangsaan Kali Kedua*. Hlm: 239–258. Kajang; Selangor: Pusat Bahasa Arab Selangor.
- Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini. (2016). Tahap Penguasaan Penulisan karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol. 3(1): 123-138.
- Muhammad Zain Mahmud. (1994). *al-Nizām al-Nahw fī al-Lughah al-'Arabiyyah Wa al-Malāyuwiyyah: Dirāsah fī al-Tahlīl al-Taḡabūli*. Tesis PhD. Mesir: Universiti Iskandariah.

- Muna al- Ajrami & Halah Husni Baydas. (2015). Tahlīl al-Akhtā' al-Lughawīyyah li Dārisi al-Lughah al- Arabīyyah li al-Mustawa al-Rabi' min al-Talabah al-Kuriyyīn fi Markaz al-Lughat / al-Jāmi'ah al-Urdūniyyah. *Jurnal Dirāsat al-Ulum al-Insāniyyah wa al-Ijtīmā'īyyah*. 42(1): 1087-1108.
- Munirah Jaafar. (2011). *Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Mustafa al-Qhalayiniyy. (1973). *Jami' al-Durus al-A'rabīyyat*. Beirut: Maktabah al-A'riyyat.
- Naimah Abdullah. (2003). *Analisis Sintaksis Bahasa Arab Dan Implikasi Kesilapannya Ke Atas Makna*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Najjah Salwa Abd Razak.(2011). *Bahasa Arab dan Sejarah Nahu*. Kuala Lumpur: Languages Literature and Technology, Universiti Pertahanan Malaysia.
- Nazzil Saifuddin Abd. Rahim. (2013). *Kemahiran Membina Ayat Mudah Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama ABIM, Kajang, Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Neuman, W. L. (1997). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 3rd Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ni'mah Fuad. (2010). *Mulakhos Qowaidu al-Lughoh al-Arabīyah*. Beirut: Dar Ats Tsaqofah Al Islamiyah.
- Nor Asree Mohd. Noh & Ab Halim Mohamad. (2017). Gangguan Bahasa Dari Aspek Tatabahasa Dalam Kalangan Pelajar Melayu. *Jurnal aL-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*. Volume 4(2): 1-19.
- Nor Effendy Ahmad Sokri & Mohammad Rofian Ismail. (2017). Analisis Kesalahan Nahu (Sintaksis) Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). *Prosiding Seminar National Pre Univesity (NPreUS) 2017*. Pusat Asasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Uniten, Selangor. Hlm: 252-260.
- Normila Norudin, Nik Murshidah Nik Din, Raja Hazirah Raja Sulaiman & Zaiton Mustafa. (2014). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Unisza Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, Unisza.
- Noor Anida binti Awang, Norhayati binti Che Hat & Nurazan binti Mohmad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.
- Palmer, F. R. (1989). *Semantik (Terjemahan Abdullah Hassan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peraturan dan skema peperiksaan STPM 2018, Majlis Peperiksaan Malaysia. Capaian pada 4 Oktober 2018 daripada <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/peraturan-dan-skema-peperiksaan-stpm-baharu>.
- Pooneh Heydari & Mohammad S. Bagheri. (2012). Error Analysis: Sources of L2 Learners' Errors. *Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 2(8): 1583-1589.

- Radiyah Mohamad. (2015). *Penguasaan I'rāb bagi Mansubat dalam Kalangan Pelajar STAM Melalui Strategi Kognitif*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Richards, J. C. (1974). Error Analysis Perspectives on Second Language Acquisition, Dlm. Jack C. Richards (pnyt.). *A Non Constructive Approach to Error Analysis*. Hlm. 172-188. London: Longman Group Limited.
- Richards, J. C & Schmidt, R. (2002). *Longman Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics*. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah. *Journal of Language Studies*. GEMA Online. Vol. 12(2): 555-569. Capaian pada 17 Oktober 2018 daripada file:///C:/Users/User/Downloads/627-1196-1-SM.pdf.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson.
- Safa' Sabir Majid al-Bayyati. (2016). Al-I'rāb 'ala al-I'arah fi al-Nahw al-'Arabi: Tawsif wa Tanzir wa Tatbiq. *Majallah Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah 'ala al-Syabkah al-'Alamiyyah*. Vol.12: 109-160.
- Sahyābani, Saleh Hamd. (2007). Iktisab al-Lughah wa Ta'limuha baina al-Dzakar wa al-Untha; Dirasah Mashriyyah Tahliliyyah. *Jurnal Majallah Ilmiyyah Muhakkamah Mutakhassasah fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah li Natiqin bi Ghairiha*. Vol.5: 151-225.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan Di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*. Vol. 15(2): 367.
- Sāmarra'iy, Ibrahim. (1990). *Kitab Fī Syi'āb al-'arabiyyat*. Damsyik: Dar al-Fikr al Mu'sīr.
- Sayyīd, Mahmud Ahmad. (1988). *Asāsiyyāt al-Qawā'id al-Nahwiyyah*. Damsyiq: Dar Mustalahān wa Tatbīqān.
- Selinker, Larry. (1976). Interlanguage dalam John. C. Shumann & Nancy Steson (ed.) *New Frontiers in Second Language Learning*. Massachusetts: Newbury House Publishing.
- Sijistāni, Abī Hatim Sahl Muhammad. (1997). *Al-Mudhakkār wa al-Mu'annath*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. (2011). *Analisis Kesalahan Tata Bahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Divisyen Bahasa Melayu Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Siti Mariam Aini Muhammad. (2009). *Kepekaan Terhadap Isu Semasa Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan*. Laporan Projek. Universiti Teknologi Malaysia.
- Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital & Nor Suhaila Che Pa. (2014). Analisis Gender dalam Bahasa Melayu dari Sudut Leksikal dan Makna. *Proceeding of Symposium of International Language & Knowledge. (SiLK 2014)*. Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis.
- Strauss, A. & Corbin, J. (2008). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. (3<sup>rd</sup> ed.). London: Sage Publications.
- Suyūthi, Jalal al-Din (2001). *Al-Asyibbāh wa al-Nazāir fī al-Nahw*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Syamnīy, Ahmad t.t. (2012). *al-Munsif Min al-Kalām ‘Ala Mughnī Ibn Hisyam*. Jilid 1. Beirut, Lubnan: dar al-Kutub al- ‘ilmiah.
- Tantāwīyy, Muhammad. (1997). *Nash’at al-Nahw Wa Tārikh Ashhār al-Nūhāt*. Beirut: Ta’lim al-Kutub.
- Trinil Dwi Turistiani. (2013). Fitur Kesalahan Penggunaan Ejaan Yang Disempurnakan Dalam Makalah Mahasiswa. *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Pembelajarannya*. Vol.1(1).
- Wan Moharani & Muhammad Marwan. (2008). *Kajian Bandingan Ayat Namaan: Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Nilai: Penerbit USIM.
- Wilkins, D.A. (1983). *Linguistics In Language And Teaching*. London: The English Language Book Society & Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Yahya Saleh Dahami. (2012). Adjectives and their Difficulties in English and Arabic A Comparative Study. *Sana’a University Journal of Education & Psychological Sciences*. Vol. 9(1). Capaian pada 4 Oktober 2018 daripada [https://www.researchgate.net/publication/324532923\\_Adjectives\\_and\\_their\\_Difficulties\\_in\\_English\\_and\\_Arabic\\_A\\_Comparative\\_Study](https://www.researchgate.net/publication/324532923_Adjectives_and_their_Difficulties_in_English_and_Arabic_A_Comparative_Study)
- Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy a/p Subramaniam. (2012). Analisis Kesilapan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Oleh Pelajar Asing. *GEMA Online. Journal of Language Studies*. Vol. 12(2): 667.
- Yoseph Tizazu. (2014). A Linguistic Analysis of Errors in Learners’s Compositions: The Case of Arba Minch University Students. *International Journal of English Language and Linguistics Research*. 2(2): 69-101.
- Zaharah Hussin. (2008). *Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak Untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahariah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimang & Normaliza Abd Rahim (2016). Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran. *Journal of Language Studies*, GEMA Online, Vol. 16(2): 95-110. Capaian pada 16 November 2018 daripada [https://www.researchgate.net/publication/314782668\\_Kepentingan\\_Nahu\\_Arab\\_dalam\\_Menghafaz\\_al-Quran](https://www.researchgate.net/publication/314782668_Kepentingan_Nahu_Arab_dalam_Menghafaz_al-Quran).
- Zainol Abidin Ahmad. (2003). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.



## BIODATA PELAJAR



Siti Nor Binti Jaffar dilahirkan pada 25 April 1974 di Benut, Pontian, Johor. Beliau merupakan seorang Guru Kokurikulum di Tingkatan 6 (DG 44 Hakiki) di SMKA Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor. Beliau merupakan graduan Sarjana Muda dari Universiti Mu'tah of Jordan dalam bidang Bahasa Arab pada tahun 1998 dan Diploma Pendidikan Bahasa Arab pada tahun 2001 dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Berpengalaman sebagai guru Bahasa Arab selama 21 tahun di beberapa buah sekolah; antaranya Sek. Men. Agama Al-Bugisiah Tampok (1998), Sek Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang (1998 – 2003), Maahad Johor (2004 – 2008), Sek Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin (2009 – 2014), SMK Putrajaya Presint 11(1) (2015 – 2016), SMKA Putrajaya (Sept 2018 – 1 Jan 2019) dan SMKA Maahad Hamidiah bermula 2 Jan 2019. Kini, beliau meneruskan pengajian di Peringkat Sarjana dalam bidang bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia di bawah tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Kementerian Pendidikan Malaysia.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK : Semester Pertama 2019/2020**

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

PENGUASAAN *Tadhkīr* DAN *Ta'nīth* DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH

MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI SELANGOR, MALAYSIA

**NAMA PELAJAR : SITI NOR BINTI JAFFAR**

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]